Headline	Tak anggap latihan ancaman sebenar		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	23 Oct 2016	Language	Malay
Circulation	179,231	Readership	537,693
Section	Setempat	Page No	21
ArticleSize	111 cm²	Journalist	N/A
PR Value	RM 13,068		

Tak anggap latihan ancaman sebenar

Cameron Highlands: "Sudah lebih lima kali latihan dijalankan namun respon dan kerjasama penduduk masih rendah kerana ramai menganggap ia sekadar latihan serta tiada ancaman sebenar," kata Wong Fook Chai.

Fook Chai, 59, adalah Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Lembah Bertam, di sini yang terbabit dalam latihan kecemasan limpahan air dari Empangan Sultan Abu Bakar oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) dengan kerjasama beberapa agensi, di Lembah Bertam.

"Latihan kecemasan sering dijalankan bagi memberi persediaan terutama kepada penduduk dalam menyelamatkan nyawa jika bencana berlaku, namun kerjasama penduduk kurang memuaskan.

"Kami sering memanggil penduduk mendengar taklimat langkah keselamatan yang perlu diambil jika berlaku kecemasan membabitkan empangan, namun kesedaran itu masih mengecewakan," katanya.

Lebih malang, katanya apabila bukan saja penduduk tidak memberi kerjasama dalam latihan kecemasan tetapi ada segelintir yang tidak menjaga Sungai Bertam dengan membuang sampah di sungai terbabit.

Powered by: iSENTIA

Headline	Tak anggap latihan ancaman sebenar		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	23 Oct 2016	Language	Malay
Circulation	179,231	Readership	537,693
Section	Setempat	Page No	21
ArticleSize	111 cm²	Journalist	N/A
PR Value	RM 13,068		

"Kami sering memanggil penduduk mendengar taklimat langkah keselamatan, namun kesedaran itu masih mengecewakan"

Wong Fook Chai

Powered by: iSENTIA